



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

DASAR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWER*)

Isu 1, 20 Disember 2022

ISI KANDUNGAN

| No. | Kandungan | Muka surat |
|------------|--|-------------------|
| 1. | Pengenalan | 3 |
| 2. | Rujukan | 3 |
| 3. | Definisi | 4 |
| 4. | Skop | 4 |
| 5. | Syarat-Syarat Perlindungan | 6 |
| 6. | Prosedur Pemberi Maklumat | 7 |
| 7. | Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat | 7 |
| 8. | Pembatalan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat | 8 |
| 9. | Tarikh kuatkuasa | 9 |

1. PENGENALAN

1. 1 Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblower*) merupakan dasar yang dibangunkan bagi melindungi Pemberi Maklumat berkaitan jenayah, rasuah, integriti dan pelanggaran salah laku oleh warga Jabatan Standard Malaysia (JSM).
1. 2 Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (seterusnya akan dirujuk sebagai "Dasar ini") mampu bertindak sebagai sebuah sistem pemberitahuan maklumat yang dapat menyumbang kepada sebuah organisasi yang lebih efektif dan efisien.
1. 3 Dasar ini bertujuan untuk membolehkan Pemberi Maklumat untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku dari peringkat awal kepada Unit Integriti JSM dengan yakin agar masalah dapat ditangani dengan efektif dan segera.
1. 4 Melalui pelaksanaan dasar ini, iaanya akan memastikan setiap individu bebas untuk menggunakan haknya bagi melaporkan/ mendedahkan penyelewengan atau kelakuan tidak wajar atau sebarang kecurigaan terhadap salah laku.
1. 5 Dasar ini berpandukan kepada Dasar Antirasuah JSM.

2. RUJUKAN

2. 1 Akta 694 - Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
2. 2 Akta 711 - Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
2. 3 MS ISO 37001:2016 - *Anti-bribery management systems - Requirements with guidance for use*
2. 4 Pelan Antirasuah Organisasi Jabatan Standard Malaysia 2022 – 2026 atau OACP JSM 2022-2026

3. DEFINISI

3. 1 Unit Integriti

Merujuk kepada Unit Integriti JSM.

3. 2 Warga JSM

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di JSM sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan.

3. 3 Ketua Jabatan

Merujuk kepada Ketua Pengarah JSM.

3. 4 Agensi Penguatkuasaan

Mana-mana unit atau badan yang ditubuhkan atau ditubuhkan oleh Kerajaan yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

3. 5 Pegawai Penerima Maklumat

Pegawai yang dilantik oleh Ketua Unit Integriti untuk menerima dan merekod aduan berkaitan jenayah, rasuah, integriti dan pelanggaran salah laku.

3. 6 Pemberi Maklumat (*Whistleblower*)

Individu, yang termasuklah tetapi tidaklah terhad kepada warga JSM, mananya penjawat awam (bukan warga JSM) dan orang awam yang membuat pendedahan tentang salah laku yang berkaitan dengan warga JSM.

4. SKOP

4. 1 Dasar ini memberi perlindungan kepada Pemberi Maklumat yang mendedahkan aktiviti berkaitan jenayah, rasuah, integriti dan pelanggaran salah laku di kalangan warga JSM.

4. 2 Dasar ini terpakai kepada sebarang maklumat yang didedahkan yang melibatkan warga JSM dan memberi kesan kepada pihak lain (seperti rakan sekerja, pakar, vendor, kontraktor, badan penilaian pematuhan atau agensi

luar) yang mempunyai hubungan dengan JSM.

4. 3 Dasar ini terpakai kepada sebarang pendedahan maklumat dengan merujuk kepada:
- 4.3.1 Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Akta SPRM 694 seperti yang berikut:-
- i) Kesalahan meminta / menerima suapan;
 - ii) Kesalahan menawar / memberi suapan;
 - iii) Membuat tuntutan palsu; atau
 - iv) Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- 4.3.2 Pelanggaran undang-undang, peraturan dan etika kerja sebagai penjawat awam seperti berikut:
- i) Tidak hadir bertugas tanpa kebenaran / tidak mematuhi Waktu Bekerja Berperingkat (WBB);
 - ii) Gangguan seksual/ berkhilwat/ berkelakuan sumbang;
 - iii) Penyalahgunaan dadah;
 - iv) Penerimaan atau pemberian hadiah yang tidak dilaporkan;
 - v) Meminjam wang atau menjadi penjamin melalui institusi/syarikat kewangan yang tidak sah;
 - vi) Keberhutangan kewangan yang serius / muflis;
 - vii) Terlibat dalam cabutan bertuah atau loteri dengan pihak yang mempunyai kepentingan yang berkaitan dengan tugas rasmi;
 - ix) Penglibatan dalam kegiatan politik bagi Pegawai kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional;

- x) Melakukan pekerjaan luar / sampingan tanpa kebenaran Ketua Jabatan; dan
 - xi) Melakukan perjalanan ke luar negara tanpa kebenaran bertulis Ketua Jabatan.
- 4.3.3 Pengurusan kewangan yang tidak amanah, atas kepentingan peribadi yang menyebabkan berlakunya kesilapan atau pembaziran sumber Kerajaan; atau
- 4.3.4 Tidak jujur/ tidak amanah/ tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas harian seperti berikut:
- i) Membuat tuntutan palsu seperti tuntutan perjalanan / elaun pakaian panas dan lain-lain lagi;
 - ii) Mengemukakan sijil cuti sakit palsu;
 - iii) Membocorkan rahsia Kerajaan/ maklumat terperingkat; atau
 - iv) Menyalahgunakan peralatan / kenderaan pejabat.
4. 4 Dasar ini diuruskan oleh Unit Integriti.

5. SYARAT-SYARAT PERLINDUNGAN

5. 1 Pemberi Maklumat bersedia untuk mendedahkan identiti kepada Unit Integriti JSM.
5. 2 Pemberi Maklumat perlulah:
- i) hadir sendiri dan berjumpa dengan pegawai Unit Integriti JSM; atau
 - ii) memberikan maklumat identiti dan maklumat untuk dihubungi jika pendedahan dibuat melalui surat/ emel/ panggilan telefon/ khidmat pesanan ringkas.

6. PROSEDUR PEMBERIAN MAKLUMAT

6.1 Seorang Pemberi Maklumat boleh membuat pendedahan menggunakan mana-mana saluran aduan berikut:

- a) Secara bertulis atau secara peribadi kepada Unit Integriti di alamat berikut:

Pegawai Penerima Maklumat
Unit Integriti
Jabatan Standard Malaysia
Aras 4-7, Tower 2, Menara Cyber Axis,
Jalan Impact, Cyber 6,
63000 Cyberjaya, Selangor
(U.p: Pegawai Integriti III)

- b) Secara bertulis dan emel kepada integriti@jsm.gov.my
- c) Melalui panggilan telefon ke 03-8008 2817

7. PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

7.1 Setelah pendedahan disalurkan, Pemberi Maklumat akan dilindungi mengikut dasar ini seperti berikut:

- a) Pegawai Penerima Maklumat tidak boleh sama sekali mendedahkan identiti Pemberi Maklumat; dan
- b) Sebarang maklumat lanjut yang diperlukan daripada Pemberi Maklumat oleh mana-mana pihak seperti Panel Penilaian Maklumat/Siasatan, pihak pengurusan JSM dan sebagainya hendaklah melalui Pegawai Penerima Maklumat sahaja.


- 7.2 Segala maklumat yang disalurkan adalah rahsia dan tidak akan didedahkan kepada umum kecuali kepada pihak terlibat berkaitan penyiasatan sahaja dengan persetujuan Pemberi Maklumat.
- 7.3 Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan:
- i) Tiada seorang pun boleh mengambil tindakan yang memudaratkan seperti tekanan, ancaman, ugutan, penindasan, gangguan dan balas dendam yang boleh menjelaskan fizikal, mental serta perkembangan kerjaya Pemberi Maklumat, mempunyai hubungan atau kaitan dengan Pemberi Maklumat itu sebagai tindakan balas terhadap pendedahan aktiviti berkaitan jenayah, rasuah, integriti dan pelanggaran salah laku; dan
 - ii) Pemberi Maklumat dan/atau Pegawai Penerima Maklumat boleh menyalurkan aduan kepada Agensi Pengawal Perundangan yang berkaitan sekiranya terdapat tindakan yang memudaratkan.

8. PEMBATALAN DASAR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

- 8.1 Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat ini akan terbatal jika Pemberi Maklumat:
- i) mendedahkan dengan sengaja identitinya sebagai Pemberi Maklumat; atau
 - ii) mendedahkan sebahagian maklumat berkaitan kes tersebut; atau
 - iii) membuat gambaran yang boleh mengaitkan penglibatannya di dalam sesuatu maklumat atau kes tersebut.
- 8.2 Unit Integriti akan meneruskan siasatan kes berkaitan walaupun perlindungan kepada Pemberi Maklumat tersebut terbatal.

9. TARIKH KUATKUASA

9. 1 Dasar ini berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangani oleh Ketua Pengarah, JSM.



.....
SHAHARUL SADRI BIN ALWI
Ketua Pengarah, Jabatan Standard Malaysia
Tarikh: 20/12/2022